

Usah guna alasan agama, kaum pertikai tindakan hapus rasuah

Petaling Jaya: Pemimpin parti politik tidak perlu menggunakan alasan agama atau kaum untuk mempertikai tindakan rasuah yang dilakukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sekiranya parti politik berkenaan bersih daripada penyalahgunaan kuasa, mereka sepatutnya terbuka untuk disiasat.

Katanya, seruan itu dilakukan selepas pihaknya melihat terdapat pemimpin menggunakan alasan agama yang remeh untuk mempertahankan tindakan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, semasa mentadbir negara ini.

Tekad henti rasuah

“Dalam Kerajaan Perpaduan, kita punya tekad yang sangat jelas untuk hentikan penyalahgunaan kuasa dan rasuah (kerana) langkah ini berkesan untuk menyelamatkan negara kita, merentasi parti, kaum dan wilayah.

“Negara kita kini berada di ambang kerosakan kerana keterlanjuran serta rasuah yang sudah menjadi sebahagian daripada sistem. Ini tidak mudah dirungkai. Percayalah, selepas beberapa bulan dalam kerajaan, saya lebih yakin bahawa masalah ini sangat rumit.

“Oleh itu, pemimpin politik jangan gunakan alasan agama atau kaum untuk mempertikai rasuah dan soal pembekuan akaun parti politik itu bukanlah sesuatu yang baharu,” katanya semalam.